

“Ketika terbetik berita bahawa P. Ramlee akan mengarahkan sebuah filem sebagai ujian untuk kebolehan bangsa Melayu, saya melihat keadaan itu bukan sahaja dari sudut kepentingan perseorangan, atau kebolehan seorang pelakon yang selama ini hanya menerima perintah sahaja, tetapi juga sebagai satu ujian besar yang harus diambil perhatian yang serius. Untuk itu, saya sering menitikberatkan tulisan-tulisan saya agar dapat memberikan semangat dan dorongan kepada P. Ramlee untuk memikul beban tersebut dengan penuh keyakinan dan bertanggungjawab.”

(Abdullah Hussain, 2016 ms.148)

Tarikh 29 Mei 2023 menandakan genap 50 tahun Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee meninggalkan kita semua buat selama-lamanya. Dalam tempoh separuh abad, apakah perubahan besar yang berlaku dalam industri seni tanah air, khususnya dari aspek pemikiran? Bagaimana dunia seni budaya mendepani kemajuan

teknologi, seiring dengan landskap sosiopolitik dan sosioekonomi?

P. Ramlee ialah seniman yang terpenting hinggakan zaman penghasilan filem tempatan oleh sistem studio sepanjang dekad 1950-an dan awal 1970-an dianggap secara umum sebagai “zaman P. Ramlee”.

Pengarah filem lain, seperti Hussein

Hanif, M. Amin dan Jamil Sulong, turut mempamerkan karya yang bermutu tinggi, tetapi P. Ramlee mempunyai satu impak yang tidak dimiliki oleh mereka. Menurut Anuar Nor Arai, Hussein Hanif dianggap sebagai seorang pembikin filem yang lebih “tulen” berbanding dengan P. Ramlee yang bersifat



“INSTITUSI PEMIKIRAN” YANG BERNAMA P. RAMLEE



P. Ramlee bersama-sama para pelakon filem arahan beliau.

“penghibur rakyat” dan seniman *allrounder*. Filem *Jebat* (1961) arahan Hussein Hanif sebagai contoh, mempunyai syot yang sangat baik kerana ketelitian kerja kamera beliau. Walau bagaimanapun, dari sudut pemikiran dan faktor kekenalan dalam kalangan masyarakat, hal ini harus diakui milik P. Ramlee.

Setelah 50 tahun pemergiannya, P. Ramlee, atau nama lahirnya Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, mencapai satu status ikonik yang belum dicapai oleh karyawan seni yang lain. Nama beliau diabadikan pada infrastruktur seperti jalan, bangunan dan sekolah. Karya-karya beliau melalui banyak proses apresiasi dan tafsiran semula oleh karyawan baharu. Sempena ulang tahun kelahiran P. Ramlee yang ke-88 pada 22 Mac 2017, Google telah mengenang P. Ramlee melalui *doodle* khas pada laman utama Google Malaysia.

Faktor kekenalan yang dimiliki oleh beliau telah dimanfaatkan seluas-luasnya dalam media baharu, termasuk dalam satira politik. Banyak sendaan dibuat dengan memparodi watak-watak dan babak-



Doodle khas untuk mengenang P. Ramlee yang dikeluarkan oleh Google.

babak daripada filem P. Ramlee. Antara contoh mutakhir termasuklah lagu *Tiara* nyanyian kumpulan Kris yang meletup semula apabila dinyanyikan mengikut gaya P. Ramlee oleh P. Radhi, seorang penyanyi dari Melaka. Malah dalam suasana Pilihan Raya Umum yang lalu, sebuah lagu P. Ramlee turut diparodikan untuk tujuan kempen.

Demografi untuk filem lebih meluas. Filem mudah diakses oleh khalayak yang lebih besar dan merupakan satu medium pendidikan kepada masyarakat. P. Ramlee menggunakan medium filem untuk mencetuskan kritikan serta kegiatan berfikir dalam kalangan masyarakat. P. Ramlee ialah tokoh penting dalam pembinaan jati diri bangsa. Dalam Seminar P. Ramlee:

Ikon Perpaduan Kebangsaan, Antarabangsa dan Warisan Negara, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim menyatakan bahawa kajian mengenai pemikiran dan sumbangan P. Ramlee dari aspek sejarah dan perkembangan masyarakat haruslah diperbanyak.

Filem sewajarnya dihasilkan tanpa dibuai emosi berlebihan supaya dapat membentuk bangsa menjadi lebih maju serta berdaya saing. Menurut Teguh Karya, sesebuah filem dianggap berjaya jika penonton dapat melihat diri mereka di layar. P. Ramlee mula berkarya semasa era kebangkitan

Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) yang menggerakkan slogan “Seni untuk Masyarakat”. Slogan ini menunjukkan komitmen mereka terhadap masyarakat. Menurut Keris Mas, sastera patut lahir daripada pergolakan dan perjuangan masyarakat. Pegangan dan pengaruh Gerakan ASAS 50 ini turut mempengaruhi dunia filem Melayu yang pada ketika itu berpusat di Singapura. Oleh hal yang demikian, skrip filem yang ditulis tidak mungkin terpisah jauh daripada masyarakatnya.

Dalam dunia kesusasteraan, pengarang telah menjadikan diri mereka bukan sahaja sebagai pemerhati yang memberikan kritikan dan komentar, tetapi juga menyarankan sesuatu yang

harus dilakukan, yang patut dipertimbangkan oleh pihak bertanggungjawab, sama ada pemerintah mahupun rakyat sendiri. Lebih jauh daripada itu, mereka juga menjadi tukang ramal yang membuat ramalan masa depan terhadap nasib negara. Peristiwa yang ada dalam karya berlaku di alam nyata beberapa waktu kemudian, seperti rampasan kuasa dan kebangkitan kuasa tertentu dalam pemerintahan. Mereka melihat setiap peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka dengan pandangan yang kritikal dan cuba berusaha untuk mencari punca segala kepincangan itu.

Kritikan sosial merupakan tema dominan dalam filem P. Ramlee dan P. Ramlee telah mengutarakannya, terutama dalam filem bergenre komedi. Dalam satu laporan di *Berita Harian* yang bertajuk "Nasib Labu Labi – Filem yang Banyak Pengajaran", P. Ramlee menyatakan bahawa filem tersebut tidak menceritakan kisah khayal semata-mata, tetapi, "Adalah kisah kenyataan yang sering terjadi dalam lingkungan orang-orang Melayu sendiri. Kiranya masyarakat



menginginkan cerita-cerita yang bercorak komedi, maka baiklah kita buat filem itu tetapi haruslah disadurkan dengan berbagai tunjuk ajar yang boleh mendatangkan keinsafan kepada mereka. Saya berkali-kali hendak mencuba membuat filem yang lebih berat, tetapi melihat keadaan masyarakat yang tidak begitu senang menerima cerita-cerita berat, maka saya pula, cuba mengalihkan pandangan saya ke jurusan lain yang tujuannya serupa juga – memberi tunjuk ajar kepada masyarakat Melayu."

Dalam satu laporan di akhbar yang sama bertajuk "Filem *Laksemana Do Re Mi Usaha Akhir P. Ramlee*", P. Ramlee dipetik sebagai berkata "Tiap-tiap satu adegan untuk filem ini saya gambarkan tidak semata-mata bikin penonton ketawa, tapi bikin penonton insaf terhadap tipu daya manusia terhadap manusia sejak zaman bermula. Ketawa yang membawa kepada kesedaran dan kenyataan hidup yang dihadapi oleh manusia."


Menurut Hassan Muthalib yang menganalisis elemen parodi dalam filem arahan Mamat Khalid, beliau mendapati bahawa parodi

Mamat Khalid bukan hanya untuk menyindir secara halus, tetapi sindirannya adalah untuk membuka mata khalayak agar memperbaiki diri dengan melihat diri mereka pada watak-watak di layar. "Humour is an instrument for deconstructing society, often looking upon areas that are otherwise sealed off. Some topics, it seems, we can only discuss while laughing", seperti yang dinyatakan Le Goff. Hal yang sama turut diperoleh apabila mengkaji filem P. Ramlee. P. Ramlee banyak mengetengahkan isu masyarakat dalam filemnya dengan menggunakan unsur satira. Satira amat sesuai digunakan dalam keadaan masyarakat tempatan yang sukar menerima kritikan secara terus terang.

P. Ramlee sebagai seorang seniman yang peka terhadap masalah yang timbul pada zamannya telah menggunakan pelbagai cara untuk merakamkan fikiran dan ideanya, Oleh sebab itu, beliau menggunakan kiasan dan sindiran. Unsur kiasan dan sindiran lebih mudah disampaikan dalam bentuk cerita parodi ataupun cerita yang tidak menggambarkan latar semasa. Idea-



Empat filem terawal arahan P. Ramlee.



idea lebih bebas untuk diteroka dalam cerita berunsur khayalan. Ramai pengarang menggunakan latar zaman silam sedangkan mereka ingin mengkritik watak-watak tertentu pada zaman kontemporari. Satira merupakan satu kaedah bagi mengelakkan kedudukan para seniman ini terancam oleh pihak yang menjadi sasaran kritikan dan sindiran mereka.

P. Ramlee juga membuktikan kejayaannya dengan memenangi beberapa anugerah di peringkat antarabangsa melalui filem genre komedi. Filem *Pendekar Bujang Lapok* misalnya, telah dipilih untuk menerima Anugerah Komedi Terbaik pada tahun 1959, di Filem Festival Asia ke-6, Kuala Lumpur. Di samping itu, beliau turut menerima Anugerah Filem Komedi Terbaik Seluruh Asia menerusi filem *Madu Tiga* pada tahun 1964, di Festival Filem Asia ke -11 di Taiwan.

Namun begitu, agak menarik untuk diperhatikan bahawa empat buah filem terawal arahan P. Ramlee mempunyai genre atau



P. Ramlee memenangi Golden Harvest Award: The Most Versatile Talent pada tahun 1963 di Tokyo bagi filem *Ibu Mertuaku*.

gaya pengarahannya yang berbeza-beza. Beliau tidak bermula dengan genre komedi, malah filem kelima arahannya, *Bujang Lapok* juga lebih berat elemen dramanya. Filem-filem terawal arahan P. Ramlee boleh dikelaskan seperti berikut;

1 *Penarik Beca* (1955) ialah sebuah filem bergenre drama tentang pertembungan kelas. Watak heroin filem ini, Azizah (lakonan Saadiah) dimunculkan buat kali pertama di sebuah sekolah kemahiran yang mottonya ialah "Mencergaskan Wanita Harapan". Sekolah ini yang dikatakan sebuah finishing school untuk wanita muda melambangkan bahawa Azizah bakal menjadi ejen perubahan dalam hidup

seseorang. Ghazali, iaitu watak antagonis, pula dimunculkan buat pertama kali di sebuah kabaret ketika sedang menari tarian samba bersama-sama kawan-kawannya. Beliau bertindak meninggalkan kabaret tersebut apabila penganjur persembahan memersebahkan tarian tradisional Melayu. Nilai-nilai tradisi sudah hilang daripada diri Ghazali. Pertentangan binari yang disampaikan oleh P. Ramlee dalam filem *Penarik Beca* adalah seruan untuk bangsanya berubah ke arah keadaan yang lebih baik, iaitu melalui pendidikan. Azizah menerima pendidikan yang boleh dikatakan di peringkat tinggi dan menyarankan Amran, lakonan P. Ramlee, supaya masuk ke sekolah malam agar keadaan hidupnya sebagai seorang penarik beca dapat diubah.

2 *Semerah Padi* (1956) ialah sebuah purbawara yang mengambil isu pelaksanaan hukum Islam sebagai cerita depan (*foreground story*). Namun begitu, P. Ramlee dikatakan menjadikan *Semerah Padi* sebagai sebuah "wacana terpendam" tentang krisis politik bangsa ketika itu. Watak Taruna dan Aduka mewakili dua buah parti siasah yang bertelagah, manakala watak Dara adalah alegori sebuah tanah air. Anuar Nor Arai menyatakan bahawa *Semerah Padi* merupakan filem Melayu pertama yang sebenar, walaupun telah banyak filem Melayu diterbitkan sejak tahun 1933. Namun begitu, filem tersebut diarahkan oleh pengarah dari India yang tidak memahami jiwa bangsa Melayu. Kredibiliti watak tidak dipersoalkan, apatah lagi ciri perwatakan bangsa, falsafah atau pegangan hidup.



Sebilangan besar pengaruh India ini tidak memahami budaya, adat resam dan pemikiran tempatan.

3 *Panca Delima* (1957) ialah sebuah epik khayalan yang penuh dengan unsur arketaipal pengembaraan seorang wira. Filem ini mempunyai pengaruh kisah dongeng *Cinderella* dan *The Beauty and The Beast*, tetapi banyak disesuaikan dengan elemen tempatan. Sebagai contohnya, P. Ramlee menggunakan kata bual berirama sepanjang cerita serta menyambung naratif babak ke babak dengan rangkap syair.

4 *Sumpah Orang Minyak* (1958) dapat dianggap sebuah “psiko-thriller” yang meneroka elemen yang agak berani dalam alam Melayu, iaitu alam bunian dan perjanjian dengan syaitan. Terdapat satu babak yang agak kontroversi dalam filem ini, iaitu babak Si Bongkok menendang-nendang batu nisan ayahnya sambil mempertikaikan takdir Tuhan yang dianggapnya begitu malang. Filem ini bermain dengan sisi gelap manusia dan alam di sebalik mata. Tuhan “menjawab” persoalan Si Bongkok dengan menghantarnya ke alam bunian. Si Bongkok yang hodoh dan cacat berubah menjadi cantik setelah mandi dalam air bahtera Nabi Nuh alaihissalam. Setelah menjadi cantik, Si Bongkok terikat dengan syarat dari Penghulu Bunian bahawa dia tidak boleh membunuh sesama manusia serta melakukan kerosakan di muka bumi demi mengekalkan rupa parasnya. Setelah membunuh musuhnya, rupa Si Bongkok bertukar menjadi halimunan. Untuk mendapatkan semula rupa

parasnya seperti biasa, Si Bongkok membuat perjanjian dengan Syaitan.

Keempat-empat filem terawal ini menunjukkan P. Ramlee masih meneroka ruang kreativiti sebagai seorang pembikin filem. Percubaan membina jati diri sebagai pengarah menemui rentaknya apabila beliau mula mengarahkan filem komedi, seperti *Bujang Lapok*, *Pendekar Bujang Lapok*, *Musang Berjanggut*, *Nujum Pak Belalang*, *Labu Labi*, *Madu Tiga* dan *Tiga Abdul*. Hal ini diteruskan apabila P. Ramlee berpindah ke Studio Merdeka di Kuala Lumpur menerusi filem seperti *Masam-masam Manis*, *Ahmad Albab*, *Anak Bapak*, *Keluarga 69* dan trilogi *Do Re Mi*.

Petikan dialog dan nama-nama watak dalam filem komedi P. Ramlee lebih diingati berbanding dengan petikan dialog filem pengarah lain. Setiap peristiwa yang berlaku dalam senario politik tempatan misalnya, akan dipadankan dengan babak popular daripada filem-filem P. Ramlee. *Musang Berjanggut* (1959) ialah sebuah filem tentang mobiliti sosial. Apabila Sultan Alam Shahbana gagal memperoleh pewaris takhta, baginda membuka pintu istana dengan mengambil anak angkat dalam kalangan rakyat jelata. Ada satu persoalan menarik di sini; mengapakah Sultan tidak mengambil anak angkat atau menamakan pewaris dalam kalangan anak-anak raja dan keturunan bangsawan juga?

Tun Nila Utama telah memecahkan tradisi feudal. Beliau dan isterinya, Puspawangi, ialah rakyat biasa tetapi berjaya masuk ke dalam istana dan mencabar pemerintahan. Watak Tun Nila membuktikan bahawa seorang pentadbir yang baik bukan

berdasarkan faktor keturunan semata-mata, tetapi terbentuk melalui didikan, asuhan dan keperibadiannya. Kebijaksanaan seorang wanita juga penting supaya segrading dengan suami yang menjadi teraju kerajaan. Watak Puspawangi berjaya mengajar para pembesar negeri bahawa tidak sepanjang masa mereka boleh mendapat segala keinginan, apatah lagi melalui jalan yang menyeleweng. Dengan salutan gaya jenaka, penonton hampir melupakan satu babak yang agak sensitif dalam *Musang Berjanggut*, iaitu babak Puspawangi “menunggang” bapa mentuanya sendiri seperti kuda.

Pendekar Bujang Lapok (1959) membawa cerita kapitalisme dan perlunya pendekar untuk menentang kapitalis. Namun begitu, pendekar mesti lahir daripada pendidikan, bukan sekadar melalui ilmu fizikal, tetapi juga melalui ketahanan mental dan spiritual. Belajar silat ialah ilmu fizikal, namun babak bertapa di perigi buta, rumah kosong serta kubur lebih diingati. Pendekar sebenar bukan sekadar handal bertempur dengan musuh yang nyata.

Proses pembelajaran tiga orang calon pendekar dalam filem ini sudah bermula sebelum mereka membuka kuda-kuda bersama Wak Mustar. Mereka belajar berbudi bahasa dengan tuan rumah, mereka belajar meminta maaf dan mereka belajar merendahkan ego dengan meminta Aini, iaitu pembantu rumah Wak Mustar membacakan surat kiriman Ros kepada mereka bertiga. Ketika di penambang, watak Aziz cuba mencuri duit dari tauke sampan, tetapi setelah sampai ke seberang, poket bajunya bocor.

Sebelum belajar ilmu fizikal, Wak Mustar mendapati mereka bertiga buta huruf dan menghantar mereka ke sekolah. P. Ramlee menyarankan bahawa pendekar

Pendekar Bujang Lapok (1959) membawa cerita kapitalisme dan perlunya pendekar untuk menentang kapitalis. Namun begitu, pendekar mesti lahir daripada pendidikan, bukan sekadar melalui ilmu fizikal, tetapi juga melalui ketahanan mental dan spiritual. Belajar silat ialah ilmu fizikal, namun babak bertapa di perigi buta, rumah kosong serta kubur lebih diingati. Pendekar sebenar bukan sekadar handal bertempur dengan musuh yang nyata.

sebenarnya perlu melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah dalam menghadapi masyarakat serta kesedaran bahawa untuk menuntut ilmu, jiwa harus bersih. Perbuatan Aziz mencuri duit adalah tidak berkat dan mereka berusaha juga mendapatkan kemaafan Ros yang menyangka mereka bertiga ialah pencuri, seperti dialog Ramlee, "Kita mesti minta maaf dengan anak Pakcik tu. Kalau tidak tak sedap tinggal di sini."

Terdapat sejumlah filem P. Ramlee yang menyelitikan saranan atau penyelesaian terhadap persoalan agama dan isu-isu yang agak sensitif. Dalam filem *Anak Bapak* (1968), terdapat babak di mana Harun selaku majikan terpaksa meminjam isteri pekerjanya, Saleh untuk satu acara kerana telah terlanjur menipu ayahnya, Datuk Mahfiz dengan mengatakan bahawa beliau sudah beristeri. Terdapat peristiwa yang menyebabkan Harun perlu bermalam dengan isteri Saleh selepas satu keraian, tetapi bagaimanakah hal ini diselesaikan dalam filem? Maka itu, P. Ramlee mewujudkan adegan-adegan jenaka, seperti kenderaan "jahanam" dan Saleh takut hendak pulang pada waktu malam kerana kononnya ada pontianak. Akhirnya Saleh berjaya menyelinap masuk ke dalam bilik

tidur dan Harun terpaksa tidur di luar.

Filem-filem P. Ramlee memberi penyelesaian persoalan agama tanpa perlu menjadi filem bertema Islamik. Hukum perkahwinan sama jantina disebut sepintas lalu dalam *Ahmad Albab* (1968) melalui dialog antara Masyhur al-Buaya dengan besannya, Sahibul Kastam;

"Kalau macam ini, saya suka dengan Si Safar."

"Masya Allah! Mana boleh!"

"Pasal apa?"

"Laki-laki sama laki-laki mana boleh kahwin!"

Dalam filem *Keluarga 69* (1967), hukum berkahwin dengan bekas isteri ayah atau anak juga ditegur sepintas lalu, melalui dialog AR Tompel, "Jangan kau buat-buat begitu, Man!". *Laksamana Do Re Mi* (1972) yang merupakan filem terakhir P. Ramlee juga membawa mesej Islamik. Do, Re dan Mi memperoleh barang-barang hikmat setelah membantu Púteri Buluh Betong, iaitu tikar terbang, teropong ajaib dan watak ini tidak terus meminta diberi kekayaan ataupun wang yang banyak? Mereka meminta teropong ajaib menunjukkan di mana ada peluang pekerjaan.

Ketika bertempur dengan Menteri Fasola, mereka juga tidak meminta supaya Fasola terus mati. Sebaliknya,



mereka bertanya bagaimana cara untuk mengalahkan Fasola yang kebal itu. P. Ramlee menyarankan konsep ikhtiar untuk mendapatkan sesuatu. Apakah tikar terbang itu metafora kepada sejadah; teropong ialah metafora kepada kitab suci yang memberi panduan; bangsi hikmat adalah metafora kepada berdoa?

Setelah 50 tahun Seniman Agung meninggalkan kita, karya-karyanya terus digali dan dan dikaji. Filem-filemnya yang kini boleh diakses di pelantar media baharu, termasuk YouTube, terus mendapat sambutan. Terdapat ribuan komen pelayar di YouTube yang merakamkan penghargaan terhadap filem P. Ramlee, termasuk dalam kalangan generasi muda dan pelayar dari negara jiran.

P. Ramlee memiliki keistimewaan dan kekenalan yang dapat menyatukan seluruh lapisan masyarakat melalui karya-karyanya. Setiap masa akan timbul dapatan baharu yang mencetuskan kegiatan berfikir dalam kalangan masyarakat, sekali gus menyerlahkan kehebatan beliau sebagai pemikir. P. Ramlee bukan sekadar seorang seniman berbakat besar. Beliau telah menjadi sebuah institusi pemikiran yang berjaya mencorakkan wajah bangsa. **DB**